

Kurniaan tanda penghargaan negara

Upacara ringkas punyai sejarah

KUALA LUMPUR, Khamis. Pengurniaan gelaran 'Tun' kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, adalah kena pada masanya dan kelikannya sebagai menghargai sumbangan dan jasa beliau terhadap negara ini.

Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengukir pengurniaan tersebut adalah tanda penghargaan negara di atas kecemerlangan tugas-tugas pemimpin negara selama lebih lima tahun.

Datuk Hussein mulai hari ini bergelar Tun Hussein dan gerahan Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) dari Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara, hari ini.

Seri Paduka Baginda

darjah kebesaran itu dalam satu istiadat ringkas selepas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengangkat sumpah jawatan sebagai pengantin Tun Hussein dalam satu istiadat serasi.

Raja Permaisuri Agong, Tun Toh Puan Sihalila, Datuk Seri Dr. Mahathir, isterinya Datin Seri Dr. Siti Haamah hadir sama di istiadat pengurniaan darjah itu.

Turut hadir di majlis ringkas tapi bersejarah ialah para Menteri Kabinet, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar, Penglima Angkatan Tentera Tan Sri Mohamed Ghazali, Datuk Seth dan lain-lain pegawai kanan Kerajaan.

Hanya seorang Menteri saja tidak hadir iaitu Menteri Luar

Negeri, Tengku Ahmad Rithauddeen terana beliau berada di New York.

Selepas istiadat itu selesai, Seri Paduka Baginda kemudian mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana dilantik sebagai Perdana Menteri yang keempat.


Yang di-Pertuan Agong juga mengucapkan selamat bersejarah kepada Tun Hussein dan berbangga atas kecemerlangan tugas-tugas beliau sebagai Perdana Menteri sebelum ini.

Tun Hussein dan Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menaiki kenderaan khas untuk ke Jabatan Perdana Menteri di mana upacara menyerahkan pejabat akan dilakukan.

Kakitangan Jabatan Perdana Menteri juga mengucapkan selamat berpisah dan bersejarah kepada Datuk Hussein di luar bangunan itu.

Sebahagian mereka terharu dan teresedu kerana terpaksa berpisah dengan Perdana Menteri yang dikasihani dan banyak menabur jasa terhadap negara tercinta.

■ **GAMBAR:** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (kanan) menganugerahkan Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) yang bergelar Tun kepada Datuk Hussein Onn di Istana Negara, Kuala Lumpur, pagi semalam. — Gambar Berita Harian.



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia